


KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (TRAGEDI MH370) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 27 MAC 2014 (KHAMIS)

Satelit kesan 122 objek berpotensi



KUALA LUMPUR - Data satelit yang dirakamkan Airbus Defence and Space, 23 Mac lalu menunjukkan 122 objek berpotensi yang dikaitkan dengan pesawat MH370 telah dikesan di Lautan Hindi.

Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, objek berkenaan dikesan pada kedudukan kira-kira 2,557 kilometer dari Perth, tidak jauh daripada kawasan pencarian pesawat MAS MH370 yang tertumpu di selatan Lautan Hindi.

Katanya, imej berkenaan telah diberikan kepada Malaysia Remote Sensing Agency (MRSA) dan kemudiannya kepada pasukan pencarian di Australia.

Bagaimanapun, beliau berkata, masih belum dapat disahkan sama ada ia boleh dikaitkan dengan pesawat MAS MH370.

"MRSA menganalisis imej tersebut di kawasan lautan seluas 400 kilometer persegi. Ia

berjaya mengenalpasti 122 objek berpotensi.

"Ada objek tersebut sepanjang satu meter dan ada yang sepanjang 23 meter. Beberapa objek juga kelihatan terang, mungkin menunjukkan ia sebagai bahan pepejal," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Katanya, sehingga kini imej data yang dikeluarkan satelit Australia, China dan Perancis sebelum ini masih menjadi petunjuk paling kukuh dalam usaha mencari pesawat berkenaan.

"Bagaimanapun, petunjuk baru ini pastinya akan membantu operasi pencarian. Kita akan meneruskan pencarian bersandarkan satelit, data radar dan semua aset yang telah ditempatkan.

"Hanya setelah kita mengesahkan objek berkenaan mempunyai kaitan dengan MH370, barulah kita akan bergerak ke peringkat seterusnya iaitu pencarian di laut dalam," katanya.